



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

INDEKS KOS BAHAN BINAAN, APRIL 2026

Indeks harga seunit pasir mencatatkan peningkatan antara 0.4 peratus sehingga 14.5 peratus pada April 2026

PUTRAJAYA, 12 MEI 2026 – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerbitkan laporan **SIARAN KHAS UNTUK KERJA-KERJA PEMBINAAN BANGUNAN DAN STRUKTUR, APRIL 2026**. Laporan ini menyediakan indeks harga seunit bahan binaan terpilih dan Indeks Kos Bahan Binaan Bangunan (IKB) mengikut kategori bangunan dan kawasan.

Dalam kenyataan pada hari ini, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan bahawa indeks harga seunit pasir menunjukkan peningkatan pada April 2026, dengan perubahan bulan ke bulan antara 0.4 peratus sehingga 14.5 peratus semua kawasan Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Peningkatan tertinggi bagi bahan ini telah direkodkan di Terengganu & Kelantan (14.5%), diikuti dengan Pahang (14.4%) dan Miri (14.1%).

Ketua Perangkawan Malaysia turut memaklumkan bahawa indeks harga seunit besi mencatatkan peningkatan pada April 2026, iaitu antara 0.1 peratus sehingga 6.1 peratus berbanding bulan lepas. Peningkatan tertinggi bagi bahan ini telah direkodkan di Perak (6.1%), diikuti dengan Johor (2.7%) dan Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka & Negeri Sembilan (2.4%).

Tambahan itu, indeks harga seunit simen merekodkan peningkatan pada April 2026, dengan perubahan bulan ke bulan antara 0.1 peratus hingga 6.0 peratus di semua kawasan Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Peningkatan tertinggi bagi bahan ini telah direkodkan di Sibu (6.0%), diikuti dengan Johor (3.9%) dan Miri (3.5%).

Manakala indeks harga batu baur juga mencatatkan peningkatan pada April 2026, dengan perubahan bulan ke bulan antara 0.5 peratus hingga 16.4 peratus di semua kawasan Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Perbandingan tahunan untuk tempoh April 2025 dan April 2026 menunjukkan indeks harga seunit pasir telah merekodkan peningkatan antara 2.8 peratus hingga 18.6 peratus bagi kebanyakan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Peningkatan tertinggi bagi indeks harga seunit pasir telah dicatatkan di Miri (18.6%), diikuti dengan Pulau Pinang, Kedah & Perlis dan Terengganu & Kelantan (masing-masing 16.0%).

Perbandingan tahun ke tahun bagi indeks harga seunit simen pula telah mencatatkan peningkatan antara 1.0 peratus hingga 7.5 peratus pada April 2026 berbanding bulan yang sama tahun lalu, bagi seluruh kawasan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Peningkatan tertinggi dicatatkan di Kuching (7.5%), diikuti dengan Perak (6.9%) dan Miri (6.7%).

Ketua Perangkawan Malaysia juga menyatakan purata harga seunit besi yang terdiri daripada bar bulat keluli lembut dan *Mycon 60 high tensile deformed bars* mencatatkan peningkatan 2.3 peratus, dengan purata harga RM3,504.20 bagi setiap tan metrik berbanding bulan sebelumnya (Mac 2026: RM3,426.80 per tan metrik). Tambahan daripada itu, purata harga bagi simen *Ordinary Portland* juga merekodkan peningkatan (1.3%) dengan purata harga RM25.90 per 50 kg sekarung berbanding Mac 2026 (RM25.55 per 50 kg sekarung).

Perbandingan bulanan IKB termasuk bar keluli mengikut kategori bangunan dan kawasan di Semenanjung Malaysia pada bulan April 2026 mencatatkan peningkatan antara 0.1 peratus hingga 3.7 peratus di kawasan tersebut. Namun begitu, penurunan kecil IKB termasuk bar keluli iaitu antara negatif 0.1 peratus hingga negatif 1.2 peratus bagi kategori bangunan kayu dan cerucuk kayu telah direkodkan di Pahang dan Terengganu & Kelantan.


IKB termasuk bar keluli di Sabah menunjukkan peningkatan kecil iaitu 0.1 peratus hingga 0.7 peratus bagi hampir semua kategori bangunan pada April 2026 berbanding bulan sebelumnya. Manakala, perbandingan bulan ke bulan IKB termasuk bar keluli di Sarawak juga merekodkan peningkatan antara 0.4 peratus hingga 5.6 peratus bagi semua kategori bangunan.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang melaksanakan **Banci Ekonomi 2026 (BE2026)** dengan tema “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. Pelaksanaan Banci Ekonomi kali keenam ini berlangsung dari **5 Januari hingga 31 Oktober 2026**. BE2026 bertujuan untuk mengumpul data yang menyeluruh dan berstruktur daripada semua pertubuhan perniagaan berdaftar dan tidak berdaftar di Malaysia, bagi menilai prestasi, struktur serta ciri-ciri ekonomi negara secara komprehensif dan berasaskan bukti.


Malaysia buat julung kalinya telah menduduki **tangga pertama (1)** di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

**Carta 1: Purata Harga Bar Keluli, Malaysia,
April 2024 – April 2026**



**Carta 2: Purata Harga Simen (Ordinary Portland) Malaysia,
April 2024 – April 2026**



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
12 MEI 2026**



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

BUILDING COST INDEX, APRIL 2026

The unit price index of sand recorded an increase between 0.4 per cent to 14.5 per cent in April 2026

PUTRAJAYA, 12TH MAY 2026 – The Department of Statistics Malaysia (DOSM) published **SPECIAL RELEASE FOR BUILDING AND STRUCTURAL WORKS, APRIL 2026**. This report provides the unit price index of major building materials and the Building Material Cost Index (BCI) by building category and region.

In a statement today, Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin stated that the unit price index of sand recorded an increase in April 2026, ranging from 0.4 per cent to 14.5 per cent in all areas in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak. The highest increase in the price index for this material was recorded in Terengganu & Kelantan (14.5%), followed by Pahang (14.4%) dan Miri (14.1%).

The Chief Statistician of Malaysia further informed that the unit price index of steel also recorded an increase in April 2026, ranging from 0.1 per cent to 6.1 per cent as compared to the previous month. The highest increase in the price index for this material was recorded in Perak (6.1%), followed by Johor (2.7%) and Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka & Negeri Sembilan (2.4%).

In addition, the price index of cement registered an increase in April 2026, with month-on-month changes ranging from 0.1 per cent to 6.0 per cent across all areas in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak. The highest increase in the price index for this material was recorded in Sibü (6.0%), followed by Johor (3.9%) and Miri (3.5%).

Meanwhile, the unit price index of aggregates also showed an increase in April 2026, with month-on-month change ranging from 0.5 per cent to 16.4 per cent in all areas in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak.

An annual comparison for the period of April 2025 and April 2026 has indicated that the unit price index for sand recorded an increase ranging from 2.8 per cent to 18.6 per cent involving most areas in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak.

The highest increase in the unit price index for sand was observed in Miri (18.6%), followed by Pulau Pinang, Kedah & Perlis and Terengganu & Kelantan (16.0%), respectively.

The year-on-year comparison of the unit price index of cement increased between 1.0 per cent to 7.5 per cent in April 2026 as compared to the same month last year across all areas in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak. The highest increase was observed in Kuching (7.5%), followed by Perak (6.9%) and Miri (6.7%).

The Chief Statistician of Malaysia also mentioned that the average price per unit of steel, consisting of mild steel round bars and Mycon 60 high tensile deformed bars, recorded an increase of 2.3 per cent with an average price of RM3,504.20 per metric tonne as compared to the previous month (March 2026: RM3,426.80 per metric tonne). In addition, the average price of Ordinary Portland cement also showed an increase (1.3%) with an average price of RM25.90 per 50 kg bag, as compared to March 2026 (RM25.55 per 50 kg bag).

The monthly comparison of BCI with steel bars, by building category and region in Peninsular Malaysia for April 2026 recorded an increase ranging from 0.1 per cent to 3.7 per cent in the areas. However, a slight decline in the BCI with steel bars for categories of timber building and timber piling, ranging from negative 0.1 per cent to negative 1.2 per cent was recorded in Pahang and Terengganu & Kelantan.


The BCI with steel bars in Sabah recorded a slight increase ranging from 0.1 per cent to 0.7 per cent for all building categories in April 2026 as compared to the previous month. The month-on-month comparison of BCI with steel bars in Sarawak also registered an increase ranging from 0.4 per cent to 5.6 per cent for all categories of buildings.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the **Economic Census 2026 (BE2026)**, with themed “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. The sixth Economic Census, will be carried out from **5th January to 31st October 2026**. BE2026 aims to collect comprehensive and structured data from all registered and unregistered business establishments in Malaysia to assess the nation’s economic performance, structure and characteristics in an evidence-based manner.


Malaysia has, for the first time, successfully secured the **top position** globally in the biennial **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 197 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

**Chart 1: Average Price of Steel Bar, Malaysia,
April 2024 – April 2026**



**Chart 2: Average Price of Cement (Ordinary Portland), Malaysia,
April 2024 – April 2026**



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
12 MAY 2026**